

## SIARAN BERITA

---

### MyCC KEMUKAKAN KEPUTUSAN CADANGAN KEPADA MEGASTEEL

**KUALA LUMPUR, 01 November 2013** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia ('MyCC') hari ini mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap Megasteel Steel Sdn Bhd ('Megasteel'), setelah mendapati ia melanggar Akta Persaingan 2010 ('Akta') apabila menyalahgunakan kedudukan dominannya. Penalti kewangan yang dicadangkan berjumlah RM4,500,000.00.

MyCC mendapati bahawa amalan Megasteel yang mengenakan bayaran atau harga untuk Hot Rolled Coil ('HRC') yang berkadar tak seimbang bagi harga jualan Cold Rolled Coil ('CRC'), merupakan satu himpitan margin ("*margin squeeze*") yang menghasilkan kesan-kesan antipersaingan dalam pasaran, dan ialah satu pelanggaran Akta Seksyen 10 (1).

"Himpitan margin juga dianggap sebagai salah satu cara sesebuah perusahaan dominan menyalahgunakan kedudukannya dengan mengumpilkan kuasa pasarnya di pasaran hulu ("*upstream*") supaya dapat memaksa keluar pengusaha lain di pasaran hiliran ("*downstream*")," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj.

MyCC mengambil kira sifat produk, struktur pasaran, pegangan pasaran perusahaan, sekatan kemasukan dan kesan himpitan margin Megasteel di pesaing-pesaing hiliran serta tahap keseriusan pelanggaran dalam menentukan jumlah asas penalti kewangan.

MyCC mendapati bahawa Megasteel adalah pengusaha dominan di pasaran HRC (segmen hulu) dan telah menemui ia juga terlibat dalam pengeluaran CRC (segmen hiliran). HRC adalah bahan asas yang perlu untuk pengeluaran CRC di pasaran hiliran dan sekarang, Megasteel ialah satu-satunya pengeluar tempatan HRC. MyCC juga mendapati bahawa sekatan kemasukan ("*barriers to entry*") ke dalam pasaran HRC adalah tinggi.

Faktor-faktor ini meletakkan Megasteel di kedudukan yang amat istimewa dalam pasaran CRC atas semua pengeluar-pengeluar CRC yang lain. Walaupun harga bulanan Megasteel untuk CRC keluarannya lebih rendah dari yang didakwa oleh pesaing-pesaingnya di pasaran hiliran, harga itu tidak boleh dianggap harga kompetitif. Ini disebabkan margin bulanan (antara harga CRC and HRC) yang diperolehi oleh Megasteel kesemuanya tidak mencukupi untuk pemulihan kos bulanan pembuatan HRC kepada CRC.

Harga lebih rendah CRC yang artifisial dan dikenakan Megasteel mempunyai kesan menghalang, jika tidak mengurangkan, pertandingan di pasaran hiliran, membuat amalan penentuan harga sebegini sebuah pelanggaran undang-undang persaingan yang serius.

Megasteel mempunyai tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh Keputusan Cadangan itu dikemukakan untuk memberi perwakilan bertulis atau memberi indikasi sama ada ingin membuat perwakilan lisan kepada MyCC. <sup>1</sup>Penalti kewangan dicadangkan di Megasteel kurang daripada 10% perolehan seluruh dunianya pada 2012.

---

<sup>1</sup>Penalti kewangan yang dikenakan MyCC tidak melebihi statutori maksima yang ditetapkan dibawah subseksyen 40(4) yang menyatakan: "Penalti kewangan tidak harus melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti ("*turnover*") sesebuah perusahaan dalam tempoh pelanggaran berlaku."

Pada awalnya MyCC menerima aduan dari Melewar Industrial Group Berhad bertarikh 27 Ogos 2012 yang mendakwa terdapat penyalahgunaan kedudukan dominan oleh Megasteel di pasaran HRC di Malaysia.

---tamat---

**NOTA UNTUK PENGARANG:**

*Seksyen 2 Akta Persaingan 2010 menyatakan definisi “kedudukan dominan” seperti berikut:*

“Kedudukan dominan ertinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.”

***Bab 2: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan***

Penyalahgunaan kedudukan dominan adalah dilarang

10. (1) Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—

(a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;

(b) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan,

sehingga memudaratkan pengguna;

(b) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;

(c) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—

(i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau

- pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;
- (ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau
  - (iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluan;
- (d) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;
- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
- (g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqa, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**



### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).